

Teks Ucapan Perasmian
Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah
Forum Pelancongan

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamualaikum WBT, selamat sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-Pegawai Kanan UMS

Para peserta forum

Tuan-tuan dan puan-puan, siswa-siswi yang dikasihi sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini bagi menjayakan Forum Pelancongan: Isu dan cabaran Semasa anjuran Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Saya amat gembira melihat kehadiran siswa siswi dan tuan-tuan, puan-puan sekalian yang jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan untuk menjadi sebahagian daripada pemacu kegemilangan negara bagi menangani isu-isu global yang mampu menggugat kestabilan negara. Saya percaya kita semua akan mendapat manfaat yang tidak terhingga kerana sesungguhnya forum sebegini merupakan salah satu medium informasi terbaik dalam mencari segala penyelesaian bagi sesuatu isu yang diutarakan. Kita akan berpeluang untuk berkongsi pendapat dan mengembangkan idea sekaligus mencapai kata sepakat yang terbaik.

Para hadirin sekalian,

Sedar atau tidak dalam dunia yang semakin mencabar ini kita semakin alpa dengan keadaan sekeliling yang menuntut perhatian kita selaku insan yang dianugerahkan dengan pemikiran yang cerdik dan bijaksana. Pelbagai isu timbul tatkala dunia ini mengalami kepesatan pembangunan teknologi yang semakin canggih. Ini termasuklah isu yang semakin membimbangkan masyarakat dunia iaitu **Jenayah Siber dan Aktiviti Pemerdagangan Manusia**. Saya pasti kita sedia maklum mengenai perkara ini kerana hampir setiap hari ada sahaja laporan media massa berkenaan jenayah seumpama ini. Bagi Jenayah Siber, ianya dilihat semakin berleluasa di beberapa kawasan di luar negara. Malah negara kita sendiri juga tidak terlepas daripada masalah ini. Dengan adanya medan rangkaian jalur lebar atau capaian talian internet secara meluas, pengaksesan maklumat mudah dilakukan. Sehubungan itu, jenayah siber ini diberi perhatian serius kerana selain mampu menggugatkan keselamatan sesebuah negara, ia juga oleh mengkibatkan firma dan syarikat besar mengalami kerugian jutaan ringgit.

Sebagai makluman kita semua, jenayah siber ini sebenarnya merangkumi aktiviti menggodam maklumat di sesebuah negara atau syarikat, menceroboh maklumat peribadi serta mencuri harta intelek. Jenayah ini mudah berlaku apabila dunia kian dilanda globalisasi capaian internet dan kemajuan teknologi maklumat. Namun demikian, di negara kita jenayah ini masih terkawal kerana banyak akta dan undang-undang digubal untuk mengekang daripada ianya terus berlaku. Usaha murni ini diambil oleh kerajaan dalam menjaga keselamatan negara daripada anasir jenayah siber yang cuba menceroboh maklumat sulit dan kerahsiaan negara yang sememangnya tidak boleh didedahkan kepada masyarakat luar. Dalam hal ini, penglibatan kita semua juga amatlah dituntut demi membendung jenayah ini daripada berlaku di negara kita.

Para hadirin sekalian,

Kita juga kini sering digemparkan dengan aktiviti pemerdagangan manusia. Dalam media massa, isu ini semakin hangat diperkatakan. Semua negeri termasuk Sabah juga tidak terlepas daripada isu ini. Contohnya, media prima baru-baru ini ada mendedahkan usaha-usaha menyelamatkan mangsa sindiket pelacuran di kalangan

warga asing. Jika keadaan ini tidak dibendung, ia sudah tentu menjelaskan imej negara kita yang sinonim dengan amalan budi bahasa dan budaya pekerti yang tinggi. Selain laporan tersebut, negara juga turut digemparkan dengan isu jual bayi oleh golongan yang tidak berperikemanusiaan ini. Mengikut laporan akhbar tempatan perkara itu diangkat oleh orang tempatan dengan bantuan warga asing. Sehubungan itu, sekali lagi peranan kita sebagai masyarakat prihatin amatlah diperlukan untuk melaporkan kepada pihak berkuasa jika mempunyai maklumat mengenai sebarang bentuk kegiatan seumpama ini. Marilah kita bersama-sama membantu kerajaan dalam membanteras jenayah ini daripada berlaku bumi Malaysia negara yang kita cintai.

Para hadirin sekalian,

Saya percaya Forum Pelancongan pada kali ini sememangnya akan memberikan pelbagai input yang berguna kepada para peserta dan hadirin sekalian, lebih-lebih lagi kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi. Sehubungan itu saya menyeru agar pelajar sekalian dapat memanfaatkan sepenuhnya segala ilmu yang diperoleh sepanjang forum ini berlangsung.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, marilah kita menyimpan tekad untuk terus bersama-sama dengan kerajaan untuk membendung isu-isu dan jenayah era baru yang nyata semakin mencabar. Biarlah kita menjadi benteng pertahanan keamanan dan kedaulatan negara agar terus kekal berdiri gagah sebagai negara merdeka bukan sahaja daripada penjajahan takluk negara luar tetapi bebas daripada pelbagai jenayah yang semakin membimbangkan masyarakat dunia.

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan sekali lagi kepada semua yang terlibat menjayakan forum yang sangat bermakna ini. Sesungguhnya, forum ini sangat bertepatan dalam memberi motivasi dan kesedaran selain memupuk semangat patriotisme yang tinggi di kalangan mahasiswa dan mahasiswi universiti. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Forum Pelancongan: Isu dan Cabaran Semasa 2010.